

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 19 DISEMBER 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 22

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1243-L13473
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah restoran yang diwujudkan di bawah Program Menu Rakyat 1Malaysia sebagai langkah Kerajaan membantu rakyat menghadapi kesan kemelesetan ekonomi global dan nyatakan sejauh manakah sambutan peniaga untuk menyertai program ini serta sambutan awam terhadap program ini.
2. PN-1243-L13374
Datuk Chin Su Phin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan terbaru Kementerian dalam menangani pemandu teksi yang tidak menggunakan meter di tempat-tempat pelancongan di negara kita ini terutamanya di KLCC.
3. PN-1243-L13215
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan Kementerian bagi melaksanakan program tanaman bersepadu atau '*integrated farming*' di negara ini seperti yang dilakukan oleh petani di negara-negara maju untuk mempelbagaikan hasil pertanian dan meningkatkan pendapatan golongan petani.
4. PN-1243-L13040
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah insentif kewangan dan bukan kewangan yang diperkenalkan secara intensif oleh Kementerian untuk meningkatkan mutu hospitaliti kakitangan hospital dan pusat kesihatan Kerajaan setanding dengan hospital Kerajaan di negara-negara membangun dan apakah nisbah penduduk dan hospital serta kakitangan yang berkait dengan mutu hospitaliti ini.

5. PN-1243-L13825
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Akta Pertubuhan sepatutnya digubal mengikut keadaan semasa bagi memberi ruang yang lebih luas kepada pihak NGO yang sentiasa menghulurkan bantuan kewangan serta memainkan peranan penting dalam penubuhan-penubuhan yang dapat meningkatkan nama baik dan maruah negara ini.
6. PN-1243-L13769
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menilai kembali dan memperkasa lagi Dasar Perfileman Negara agar benar-benar memberi nilai tambah terhadap industri perfileman dan sekaligus menyumbang secara berkesan terhadap usaha pembinaan sebuah negara bangsa 'mengikut acuan kita sendiri' sebagai termaktub dalam Wawasan 2020.
7. PN-1243-L13065
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai perkembangan terkini jumlah orang miskin, ibu tunggal dan anak yatim yang telah mendapat elauan sara hidup bulanan di seluruh negara mengikut negeri-negeri. Sampai bilakah bantuan seumpama ini disasarkan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.
8. PN-1243-L13588
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejak Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH - Special Task Force To Facilitate Business) ditubuhkan di peringkat Persekutuan dan negeri, apakah kemajuan atau pembaharuan-pembaharuan yang telah dicapai.
9. PN-1243-L13178
Dr. S. Ramakrishnan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) berapakah jumlah penduduk yang terpaksa berpindah akibat pembinaan landasan kereta api berkembar elektrik Gemas-Johor Bahru dan apakah pampasan yang diberikan kepada mereka; dan
 - (b) bilakah Kerajaan akan memberi alternatif tanah atau rumah kepada penduduk yang terkesan ini seperti yang dijanjikan dalam beberapa pilihan raya yang lalu.
10. PN-1243-L13892
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bagaimana Kerajaan akan terus meningkatkan keupayaan pertahanannya demi menjaga kedaulatan negara terutama di kawasan perairan Malaysia yang luas termasuk EEZ.

11. PN-1243-L13535
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapa begitu ramai graduan pendidikan tidak diterima untuk mengajar di sekolah kebangsaan seperti yang dijangka dan diharapkan. Adakah Kementerian akan menjalankan tanggungjawabnya dan membantu mereka mencari penempatan atau jawatan yang lain.
12. PN-1243-L13323
Dato' Ng Fook Heng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah negara kita bercadang untuk mengadakan penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Moscow demi meningkatkan interaksi di antara dua buah negara.
13. PN-1243-L13777
Datuk Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah program Majlis Rumah Terbuka Malaysia untuk perayaan Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Raya Aidilfitri dan sebagainya dapat mewujudkan perpaduan pelbagai kaum di negara ini.
14. PN-1243-L13459
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah perkembangan industri teknologi hijau di negara kita dalam konsep Nano Teknologi memandangkan negara kita kini dilihat sebagai pusat penyelidikan yang membangun dalam sektor teknologi hijau khasnya.
15. PN-1243-L13872
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa penggabungan MAS dan AirAsia tidak akan menyebabkan monopoli yang akan menaikkan kos penerbangan antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan. Selepas penggabungan tersebut, Firefly telah memberhentikan khidmat penerbangan Kuala Lumpur-Kota Kinabalu, mengapa.
16. PN-1243-L13131
Puan Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa peratus pelajar wanita yang layak menyambung pengajian ke universiti tetapi ditolak atas alasan penempatan yang tidak mencukupi.
17. PN-1243-L13271
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan ke atas syarikat yang menggunakan logo halal yang tidak asli dan tidak jujur dalam perniagaan mereka. Nyatakan jumlah syarikat yang telah dikenakan tindakan mengikut negeri.

18. PN-1243-L13402
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah-kaedah yang telah dikenal pasti bagi memastikan pengagihan bantuan sebanyak RM500 berjalan lancar dan sampai kepada kumpulan sasaran keluarga dengan pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000 seperti yang diumumkan menerusi Bajet 2012.
19. PN-1243-L13571
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebagaimana yang kita sedia maklum, iklan rokok telah diharamkan di media cetak mahupun elektronik. Sehubungan dengan itu, adakah Kementerian juga bercadang untuk mengharamkan iklan arak di media cetak dan elektronik.
20. PN-1243-L13075
Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan tentang bilangan pelancong mengikut tahun (2008 hingga sekarang), negara dan jumlah sumbangannya kepada KDNK Malaysia. Apakah usaha terbaru Kementerian ini untuk menarik pelancong daripada Timur Tengah dan Timur Jauh untuk datang ke negara kita berbanding negara-negara jiran.
21. PN-1243-L13666
Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
 - (a) adakah kajian telah dibuat mengenai sumber batu kapur (limestone) di negeri Perlis; dan
 - (b) langkah-langkah kawalan bagi mengawal eksport batu kapur mentah (raw limestone) yang dijual dengan harga RM60 setan berbanding jika dieksport setelah diproses akan dapat dijual dengan harga yang mencecah RM390 setan.
22. PN-1243-L13743
Tuan Boon Som a/l Inong minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kemalangan yang berlaku di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan dalam tempoh lima tahun lalu. Adakah lampu akan ditambah di sepanjang lebuhraya berkenaan memandangkan banyak kejadian kemalangan berlaku pada waktu malam, terutama di kawasan yang gelap.
23. PN-1243-L13337
Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) fungsi Unit Audit Dalaman yang boleh membantu pihak pengurusan meningkatkan prestasi dalam bidang pengurusan kewangan, perolehan dan sebagainya; dan

- (b) siapa yang dipilih menganggotai Unit Audit Dalaman dan sejauh manakah keberkesanannya sejak ditubuhkan dalam memantau dan mengawal ketirisan.
24. PN-1243-L13238
Puan Doris Brodie minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dan agensi-agensi berkaitan bagi mengelak insiden kebocoran gas dan letupan seperti yang terjadi di Empire Shopping Gallery, Subang Jaya baru-baru ini tidak berulang lagi.
25. PN-1243-L13515
Puan Chew Lee Giok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes yang telah diberi bantuan di bawah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan mengikut negeri-negeri dan kategori dari tahun 2005 hingga 2011.
26. PN-1243-L13493
Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mekanisme bantuan kebaikan disalurkan kepada penerima dan jika bantuan boleh disalurkan melalui akaun bank penerima.
27. PN-1243-L13331
Dato' Ng Fook Heng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kegunaan atau nilai Kad Pesara (selain daripada pengiktirafannya di hospital Kerajaan) yang dikeluarkan oleh JPA kepada setiap kakitangan Kerajaan selepas mereka bersara.
28. PN-1243-L13390
Datuk Chin Su Phin minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah cara yang terbaik dalam menangani isu sungai tercemar di pantai timur Sabah terutamanya Sungai Muanad dan Sungai Segaliud yang semakin hari semakin kritikal akibat pencemaran yang berlaku akibat daripada kilang-kilang berdekatan.
29. PN-1243-L13503
Puan Chew Lee Giok minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah dan peratusan wakil wanita dalam politik iaitu sebagai Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis Perbandaran dan Ahli Majlis Daerah dan peratusan wanita berjawatan tinggi dalam sektor awam dan swasta.
30. PN-1243-L13688
Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pengumuman Perdana Menteri dalam ucapan Bajet tempoh hari dalam melaksanakan peningkatan gaji bagi sektor awam yang mencecah 7 hingga 13 peratus ini merangkumi kakitangan kontrak dan sambilan memandangkan jumlah mereka yang berkhidmat mencecah hampir 60 ribu orang.

31. PN-1243-L13815
Tuan Lee Cheam Choon minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah Kementerian akan memberikan peruntukan khas pada setiap tahun kepada Jawatankuasa pihak 'Jonker Walk' di Melaka yang telah menjadi sebagai salah satu tempat tarikan pelancong asing yang begitu terkenal pada masa kini.
32. PN-1243-L13136
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil siasatan dakwaan berlakunya perdagangan ginjal haram baru-baru ini.
33. PN-1243-L13625
Dr. Syed Husin Ali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar polis dari Cawangan Khas diarah untuk membuat bancian pilihan raya di Sabah, jika benar mengapa dan siapakah pegawai-pegawai yang terlibat.
34. PN-1243-L13448
Dato' Muhammad Olian b Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan mesin pengimbas di setiap lapangan terbang di negara ini sehingga terdapat banyak kes penyeludupan dadah yang berjumlah puluhan juta ringgit terlepas dari dikesan oleh mesin pengimbas berkaitan.
35. PN-1243-L13548
Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan peratusan makanan yang diimport dan apakah tindakan Kerajaan di dalam menjamin kecukupan bekalan makanan negara terutama bekalan makanan asasi seperti beras agar tidak terlalu bergantung kepada negara luar seperti Thailand, Vietnam dan Kemboja.
36. PN-1243-L13639
Dr. Syed Husin Ali minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan Hospital Shah Alam, kos keseluruhan pembinaan tersebut dan bilakah hospital berkenaan akan siap.
37. PN-1243-L13281
Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tahap pencapaian sasaran untuk mewujudkan 200,000 penyelidik menjelang tahun 2020 agar selari dengan transformasi negara.
38. PN-1243-L13354
Dato' Zaitun binti Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang sedang mengikuti pengajian tahliz peringkat sijil, diploma dan ijazah di Darul Quran JAKIM, Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu, Selangor dan nyatakan jumlah graduan yang telah dilahirkan semenjak 1998.

39. PN-1243-L13417
Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempertimbangkan untuk menaik taraf pasar-pasar yang sedia ada di bawah kawalan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.
40. PN-1243-L13246
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia yang kian berleluasa di negara ini.
41. PN-1243-L13474
Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) berhasrat hanya memberikan pinjaman PTPTN bagi membiayai yuran pengajian sahaja dan tidak termasuk kos sara hidup mulai sesi 2012.
42. PN-1243-L13736
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tindakan yang telah atau akan diambil untuk mengatasi masalah perdagangan haram hidupan liar dan jumlah tangkapan yang telah dibuat.
43. PN-1243-L13761
Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan status 'hubungan' antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Dawama (syarikat yang mendapat konsesi penswastaan tugas-tugas tertentu DBP) semenjak syarikat tersebut menghadapi pelbagai 'krisis' seperti diberitakan secara besar-besaran di media massa dua tiga bulan yang lalu.
44. PN-1243-L13552
Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pemaju perumahan yang telah diarahkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah untuk membayar pampasan lewat serah kunci tetapi masih ingkar perintah.
45. PN-1243-L13791
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah drastik serta insentif yang diberikan oleh pihak Kementerian kepada para pendidik bagi membantu mengukuhkan kembali penguasaan sebenar Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pendidikan dan bahasa kebangsaan di kalangan para pelajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah seluruh negara, berbanding dengan insentif yang telah disediakan bagi memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

46. PN-1243-L13603
Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian yang telah dicapai oleh Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) seperti Iskandar Malaysia setelah banyak insentif diberikan. Jelaskan laporan kemajuan setakat ini.
47. PN-1243-L13726
Tuan Boon Som a/l Inong minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan untuk mengkaji semula penggunaan istilah Thailand/Siam di dalam borang permohonan memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan digantikan dengan istilah Siam memandangkan penggunaan istilah Thailand/Siam untuk merujuk kepada masyarakat keturunan Siam di negara ini adalah tidak tepat serta memberi gambaran salah seolah-olah masyarakat Siam di negara ini adalah warga asing.
48. PN-1243-L13801
Tuan Saiful Izham bin Ramli minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang menghalang Kerajaan dari melaksanakan dasar-dasar di bawah Model Baru Ekonomi (New Economic Model, NEM), lebih-lebih lagi mengenai rasionalisasi subsidi serta apakah dasar dan program-program kebajikan (social welfare programmes) yang lebih menyeluruh dan khusus untuk menangani implikasi rasionalisasi subsidi.
49. PN-1243-L13884
Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat terus mengukuhkan kedudukan Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris supaya penguasaannya akan menjadi lebih terserlah.
50. PN-1243-L13862
Datuk Paul Kong Sing Chu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan susulan yang diambil berikutan dari penemuan Suruhanjaya Diraja Siasatan (RCI) terhadap skandal kehakiman Lingam yang telah mengaitkan beberapa nama 'besar' dan kematian misteri Teoh Beng Hock semasa dalam tahanan SPRM di mana 3 pegawai SPRM telah didapati memaksa beliau membunuh diri.
51. PN-1243-L13228
Puan Doris Brodie minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan komitmen Kementerian terhadap Pertubuhan Alam Sekitar Sedunia (WEO) dalam memacu usaha global untuk alam sekitar.

52. PN-1243-L13209
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tahap pelaksanaan pembangunan Lebuh Raya Pantai Timur setakat ini dan bagaimana ianya memberi kesan kepada aliran trafik di negeri-negeri Pantai Timur. Apakah peranan Kementerian di dalam membangunkan prasarana sokongan bagi jalan-jalan utama negeri untuk menampung jumlah kenderaan yang akan meningkat.
53. PN-1243-L13486
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan setelah 54 tahun merdeka. Apakah halangan-halangan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.
54. PN-1243-L13085
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah panggilan kecemasan yang diterima oleh pusat kecemasan mengikut negeri sehingga November dan apakah tindakan bagi meningkatkan peranan pusat panggilan kecemasan supaya lebih efektif dan berkesan sebagaimana talian 911 di Amerika Syarikat.
55. PN-1243-L13440
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang menggunakan teknologi yang terdapat pada kad pengenalan bercip, MyKad dalam penyaluran bantuan kepada warga emas dan OKU.
56. PN-1243-L13166
Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian yakin pendekatan TERAJU dalam membantu usahawan Bumiputera berdasarkan meritokrasi mampu mencapai kejayaan berbanding dengan kaedah dahulu seperti pemberian saham terbitan awam menerusi kuota Bumiputera yang tidak bertahan lama kerana saham-saham itu dijual kembali ke pasaran.
57. PN-1243-L13256
Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan hasil dan pencapaian selepas Kementerian membelanjakan RM1.8 juta untuk tujuan mempromosikan pelancongan melalui media sosial.
58. PN-1243-L13442
Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah kanak-kanak Malaysia berusia tujuh hingga 12 tahun yang menggunakan rangkaian sosial Facebook dan kekerapan mengunjungi halaman terbabit serta nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan penggunaannya tidak menyeleweng serta memberi manfaat kepada golongan ini.

59. PN-1243-L13728
Tuan Chiew Lian Keng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jika adanya rancangan untuk menggalakkan pengurangan bilangan kereta yang masuk ke Bandaraya Kuala Lumpur setiap pagi yang mempunyai seorang sahaja. Kehidupan hijau dapat diamalkan jika lagi ramai orang berkongsi kereta, untuk mengurangkan penggunaan minyak setiap hari. Sama ada satu sistem seperti sistem ERP di Singapura dapat menggalakkan orang ramai untuk berkongsi kereta.
60. PN-1243-L13846
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan duta-duta pelancongan yang telah dipilih bagi mempromosi Malaysia dan kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Kementerian sejak mereka dilantik.
61. PN-1243-L13416
Tuan Pau Chiong Ung minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah status terkini pelaksanaan program SUBUR dan apakah program ini akan diteruskan; dan
 - (b) jika tidak, apakah langkah-langkah untuk menggantikan program tersebut.
62. PN-1243-L13353
Dato' Zaitun binti Mat minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi masalah lebih 6 juta belia negara ini yang didakwa menghadapi krisis kecelaruan identiti disebabkan terpengaruh dengan gaya hidup barat dan terdorong ke arah pemikiran liberalisme.
63. PN-1243-L13610
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaik taraf (upgrading) kemudahan-kemudahan yang telah disediakan untuk 105 perwakilan di luar negara terutama sekali kemudahan sistem komunikasi seperti telefon mudah alih, emel, faks, telefon pejabat dan kediaman bagi mengelakkan intipan (interception) oleh perisik asing.
64. PN-1243-L13050
Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapat undang-undang yang mewajibkan pendidikan asas agama dan peruntukan serta agensi yang bertanggungjawab di bawah Kerajaan termasuk jumlah jam kredit wajib yang mesti dipelajari oleh mualaf setelah mereka memeluk Islam bagi mengelakkan golongan ini kembali kepada agama asal akibat kejahanan dan kealpaan kita mendidik mereka.

65. PN-1243-L13120
Datuk Maijol bin Mahap minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah sekolah-sekolah rendah dan menengah di daerah Kota Marudu mencukupi buat masa ini.
66. PN-1243-L13098
Puan Hajah Noriah binti Mahat minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membolehkan Malaysia mencapai lebihan dalam tahap sara diri keperluan protein ikan dan meningkatkan eksport akuakultur ini ke pasaran global serta mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini.
67. PN-1243-L13847
Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah amaun dan bilangan peminjam PTPTN yang di klasifikasi sebagai NPL sehingga 2010 dan adakah sistem kutipan yang sedia ada efisyen bagi memastikan semua peminjam melunaskan hutang mereka mengikut jadual.
68. PN-1243-L13151
Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah remaja hamil luar nikah mengikut bangsa dan negeri pada tahun 2000 hingga Oktober 2011 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi gejala tersebut.
69. PN-1243-L13296
Dr. Malasingam a/l Muthukumaru minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap penerimaan oleh masyarakat terhadap Klinik 1Malaysia, apakah Kementerian dapat mengenal pasti kelemahan yang wujud dan apakah usaha-usaha Kementerian dalam memperkasakan klinik ini.

ATURAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 29/2011) Rang Undang-undang Perbekalan 2012 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.** (15 Disember, 2011)

[Kementerian Kewangan]

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:-
 - (a) bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk mengungkaikan Proklamasi Darurat yang berikut:
 - (i) Proklamasi Darurat 1966 [P.U.(A)339A/1966] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 14 September 1966 di Sarawak bertujuan untuk membolehkan Kerajaan menyelesaikan pertikaian politik di Sarawak;
 - (ii) Proklamasi Darurat 1969 [P.U.(A)145/1969] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15 Mei 1969 berikutan dengan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 ; dan
 - (iii) Proklamasi Darurat 1977 [P.U.(A)358/1977] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 8 November 1977 di Kelantan bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian politik di negeri Kelantan;
 - (b) bahawa Dewan ini mengambil maklum sebab Proklamasi Darurat tersebut itu diungkaikan adalah kerana keadaan darurat yang mengancam keselamatan atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam di dalam Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Proklamasi Darurat yang tersebut itu terus berkuat kuasa tidak lagi wujud masa kini;
 - (c) bahawa Dewan ini mengambil maklum kesan pengungkaian ini menurut Fasal (7) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan ialah, apa-apa ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu dan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan semasa Proklamasi Darurat yang tersebut itu berkuat kuasa akan terhenti berkuat kuasa selepas habis tempoh enam bulan dari tarikh Proklamasi Darurat yang tersebut itu dibatalkan;
 - (d) bahawa Dewan ini mengambil maklum langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk memastikan tidak timbul kesukaran atau apa-apa halangan kepada Kerajaan untuk mengawal jenayah dan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ancaman terhadap keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam termasuklah kegiatan keganasan apabila terhentinya kuat kuasa semua ordinan yang dibuat di bawah

Proklamasi Darurat yang tersebut itu dan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan semasa Proklamasi Darurat yang tersebut itu berkuat kuasa seperti yang dinyatakan dalam perenggan (c);

- (e) bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan terungkainya Proklamasi Darurat yang tersebut itu Kerajaan tidak lagi mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Seperti yang Dewan ini sedia maklum Fasal (5) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen, walau apa pun apa-apa juga dalam Perlembagaan Persekutuan, untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara jika didapati oleh Parlimen bahawa undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat itu kecuali undang-undang mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah atau Sarawak seperti yang dinyatakan dalam Fasal (6A);
- (f) bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pengunkaan Proklamasi Darurat yang tersebut itu membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa bersedia untuk melakukan pembaharuan dalam undang-undang negara supaya ia selaras dengan kehendak semasa dan mengukuhkan lagi usaha Kerajaan untuk memastikan negara ini sentiasa maju ke hadapan.

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

- | | | |
|-------------------|---|-------------------------------|
| 3. (D.R. 46/2010) | Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|-------------------|---|-------------------------------|

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

- | | | |
|-------------------|--|---|
| 4. (D.R. 13/2011) | Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 | “ |
|-------------------|--|---|

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

- | | | |
|-------------------|--|---|
| 5. (D.R. 22/2011) | Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011 | “ |
|-------------------|--|---|

[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]

- | | | |
|-------------------|---|---|
| 6. (D.R. 21/2011) | Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011 | “ |
|-------------------|---|---|

[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]

7. (D.R. 23/2011) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani]
8. (D.R. 24/2011) Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]
9. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “
[Kementerian Pertahanan]
10. (D.R. 26/2011) Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 “
[Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan]
11. (D.R. 36/2011) Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 “
[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]
12. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Sumber Manusia]
13. (D.R. 42/2011) Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 “
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
14. (D.R. 31/2011) Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 “
[Kementerian Kewangan]
15. (D.R. 30/2011) Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2011 “
[Kementerian Kewangan]

16. (D.R. 32/2011) Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

17. (D.R. 33/2011) Rang Undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

18. (D.R. 34/2011) Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

19. (D.R. 35/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

20. (D.R. 38/2011) Rang Undang-undang Perumahan Rakyat 1Malaysia 2011 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

21. (D.R. 43/2011) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2011 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

22. (D.R. 39/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

23. (D.R. 40/2011) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2011 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

24. (D.R. 41/2011) Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2011 “

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

25. (D.R. 37/2011) Rang Undang-undang Standard Malaysia (Pindaan) 2011 “

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]

26. PN-1243-U13086

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum, menyedari dan menginsafi terdapat umat Islam yang murtad semenjak mutakhir ini akibat pengaruh pelbagai kegiatan memurtadkan mereka dan menyedari bahawa :

- a) Islam adalah Risalah llahi yang dengan rahmatNya telah mengangkat banga Melayu dan semua bangsa yang lain dengan mesej 'rahmatan lil 'alamin'. Lantaran itu hanya dengan manghayati dan mengamalkan Islam sepenuhnya sahaja merupakan satu-satunya jalan untuk menjamin kemuliaan, keselamatan, kejayaan dan kehormatan bangsa Melayu mahupun mana-mana bangsa yang lain di negara ini.
- b) Asas pegangan umat Islam adalah akidah tauhid yang menjadi tunjang kepada seluruh pegangan hidup umat Islam dan prinsip ini tidak boleh diganggu oleh mana-mana pihak.
- c) Kedudukan istimewa dan status khas agama Islam sebagai agama Persekutuan telah ditetapkan sejak dari kemerdekaan negara ini dan ia wajib dipertahankan oleh setiap warga Muslim dan dihormati oleh semua warga Malaysia.
- d) Penyebaran agama lain daripada Islam kepada orang Islam adalah dilarang sama sekali berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Islam berpendirian tegas terhadap gejala murtad dan permurtadan dianggap jenayah berat yang perlu diperangi habis-habisan.
- e) Pelanggaran terhadap peruntukan ini boleh mengundang kepada tergugatnya keselamatan nasional dan mengundang ketegangan agama di negara ini. Maka saya menyokong sepenuhnya agar :
 - i) Kerajaan menggubal satu Akta Murtad dengan segera bertujuan membendung gejala yang serius ini.
 - ii) Menyokong sepenuhnya deklarasi 10 perkara yang dibuat oleh Perhimpunan Sejuta Umat: Selamatkan Akidah (Himpun)Antaranya:
 - 1) Menyeru agar semua pihak menghormati dan mendokong peranan Raja-Raja Melayu untuk melaksanakan amanah sebagai ketua dan payung kepada pentadbiran Islam di negara ini seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri.

- 2) Kerajaan yang memerintah baik di peringkat Pusat mahupun negeri mestilah memastikan bahawa sensitiviti yang tertinggi dalam negara ini dihormati. Sebarang bentuk pelanggaran termasuk menghina dan mencabar kedudukan Islam hendaklah berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.
- 3) Menuntut supaya Kerajaan dalam usaha memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hendaklah memastikan supaya undang-undang pencegahan yang tegas dan kukuh untuk memelihara kemuliaan Islam di dalam Perlembagaan dapat dimasukkan sebagai kandungan utama.
- 4) Menuntut supaya Kerajaan mengambil langkah segera menggubal undang-undang khusus untuk mencegah dan membendung gejala murtad dan kegiatan memurtadkan umat Islam selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan.
- 5) Menuntut agar sistem pendidikan negara disemak semula untuk memastikan tidak ada unsur yang boleh mendedahkan pelajar kepada penghakisan akidah. Saya menggesa Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi supaya menggubal sistem pendidikan yang berpaksi kepada akidah tauhid dan penerapan akidah yang berkesan kepada pelajar-pelajar.
- 6) Meminta Kerajaan supaya mengadakan program-program penerangan yang menyeluruh dan berkesan di setiap saluran supaya masyarakat berbilang kaum dalam agama di negara kita dapat memahami Islam dan kedudukannya di dalam negara untuk menghilangkan prasangka buruk dan kekeliruan terhadap Islam.
- 7) Menyeru kepada seluruh pertubuhan politik dan bukan politik supaya meletakkan Islam sebagai agenda tertinggi yang utama melebihi kepentingan yang lain serta mengambil sikap yang serius terhadap sebarang usaha untuk mengganggu gugat kesucian Islam.
- 8) Menyeru semua institusi dalam masyarakat terutamanya ibu bapa mengambil tanggungjawab dan tugas dalam mendidik anak-anak dengan kefahaman Islam yang syumul agar dapat membenteng anak dan waris terdekat daripada terjebak di dalam aktiviti pemesongan akidah.

- 9) Menggesa Kerajaan supaya memantau dan mengawal aktiviti pihak media sama ada cetak, elektronik dan media baru. Sebarang bentuk penyiaran dan menyimpan dan menyentuh sensitiviti umat Islam dan keharmonian bernegara perlulah diambil tindakan yang tegas mengikut undang-undang negara.
- 10) Menyeru umat Islam supaya melupakan segala perbezaan fahaman politik dan lain-lain hambatan untuk bersama-sama bersatu menyongsang tugas berat mempertahankan dan menyelamatkan akidah umat dari sebarang bentuk pencerobohan. Kesimpulannya, Kerajaan dan semua pihak yang terlibat perlu bertindak secara serius dan menangani segera kesemua sepuluh deklarasi tersebut di samping mencari langkah-langkah penambahbaikan yang lain."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

27. PN-1243-U13088

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Malaysia berusaha menyelesaikan segala masalah dalaman antara Malaysia dengan negara-negara Asean di Asia Tenggara di dalam semua bidang bagi meningkatkan kemajuan ekonomi, pelajaran, sosial, kebudayaan, agama, perdagangan, persempadanan dan hubungan keselamatan serta persahabatan antara rakyat ASEAN bertujuan memakmurkan dan menyerlahkan kedudukan Asean di mata dunia."

[Menteri Luar Negeri]

28. PN-1243-U13090

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang tegas, dan berani terhadap sebarang usaha mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keselamatan negara, ketenteraman awam dan membangkitkan isu-isu sensitif yang bertentangan dengan perlembagaan negara."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

29. PN-1243-U13197

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Kebebasan Maklumat bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati hak untuk mendapatkan maklumat selaras dengan kehendak prinsip-prinsip demokrasi. Hak untuk memeriksa dan membendung penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan Kerajaan yang mempunyai implikasi secara langsung dan tidak langsung terhadap rakyat jelata. Oleh itu saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul penggubalan undang-undang bagi tujuan membolehkan rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran dan hal-hal Kerajaan terutamanya dalam proses membuat keputusan-keputusan sejarar dengan prinsip demokrasi (participatory democracy) dan kepentingan awam (public interest). Rakyat Malaysia mengalu-alukan Kerajaan yang tulus dan bertanggungjawab maka penggubalan undang-undang ini adalah mustahak. Undang-undang ini akan memberarkan akses kepada dokumen-dokumen sesebuah agensi Kerajaan dan dokumen-dokumen rasmi Kementerian Kerajaan. Maka disarankan supaya Kerajaan mengambil serius penggubalan undang-undang ini dan mengambil segala langkah-langkah untuk merealisasikan undang-undang ini di Malaysia yang mana undang-undang begini telah pun diperkenalkan di negara-negara Komanwel yang lain."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

30. PN-1243-U13198

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan menggubal Undang-undang Perhubungan Kaum (Race Relation Act) bagi menyingkirkan diskriminasi peringkat universiti dan matrikulasi, di dalam proses pengambilan 'tender' Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mempromosi perhubungan perkauman yang baik dan sihat di antara semua kaum di Malaysia dengan menyingkirkan ketidakseimbangan perkauman dan diskriminasi. Oleh itu, disarankan supaya Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap gejala diskriminasi dan ketidakseimbangan perkauman di dalam sektor-sektor ini. Undang-undang ini boleh dikuasakan dan diberi mandat untuk memastikan bahawa agensi-agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Tempatan, syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat 'GLC' Kerajaan dan institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) memperkenalkan program 'race equality' yang berdasarkan 'merit' di dalam semua aspek pekerjaan terutamanya di dalam aspek pengambilan tenaga kerja dan pengambilan pelajar, promotion, latihan, dan peluang pembelajaran di dalam negeri dan di luar negara.

Dalam masa yang sama Kerajaan perlu menubuhkan satu Suruhanjaya Perhubungan Perkauman di bawah undang-undang ini bagi memastikan penguatkuasaan dan implementasi undang-undang perhubungan perkauman."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

31. PN-1243-U13202

Dr. S. Ramakrishnan akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pihak Kerajaan prihatin dan memandang serius terhadap penyalahgunaan minuman alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita, terutama di kalangan remaja bermula dari usia 16 tahun amat membimbangkan dan ia akan membawa padah kepada masa depan negara kita jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin. Oleh itu, saya mengambil kesempatan melalui mesyuarat Dewan Negara ini untuk menampilkkan usul penggubalan undang-undang untuk menangani penyalahgunaan alkohol dan minuman keras di kalangan masyarakat kita dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) mengubah dan meningkatkan umur seseorang untuk membeli minuman keras dan alkohol secara sah dari segi undang-undang dari 18 tahun ke 21 tahun. Hukuman berat dan denda yang maksimum juga harus dikenakan terhadap sesiapa sahaja yang di bawah umur 21 tahun jika mereka didapati membeli minuman alkohol dan minuman keras.
- (ii) memperkenalkan sistem lesen baru yang mengawal waktu penjualan alkohol dan minuman keras. Contohnya seperti mengehadkan waktu penjualan dari 11.00 pagi sehingga pukul 9.00 malam.
- (iii) mempunyai undang-undang untuk menangani masalah-masalah pengambilan minuman-minuman keras dan alkohol di tempat awam dan menjadikan pengambilan minuman ini di tempat awam sebagai satu jenayah di mana boleh ditangkap dan didakwa di bawah kanun undang-undang.
- (iv) memperketat lagi kanun undang-undang yang mengawal penjualan alkohol dan minuman keras oleh peniaga-peniaga kepada remaja dan juga pelajar-pelajar di bawah umur. Contohnya, apabila mana-mana peniaga menjual alkohol dan minuman keras kepada pelajar-pelajar dan remaja di bawah umur, lesen kedai peniaga itu haruslah ditarik dan dibatalkan dan mengenakan denda yang maksimum terhadap peniaga tersebut.

- (v) memperkenalkan undang-undang baru untuk pendaftaran dan mengawal penjualan minuman-minuman keras buatan tempatan. Contohnya seperti samsu dan ia mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat berpendapatan rendah, terutamanya di kalangan masyarakat India yang tinggi di estet, kerana harga minuman ini adalah sangat murah dan mudah didapati di kawasan pedalaman secara haram.
- (vi) menubuhkan satu pusat pencegahan, penyelidikan, dan pemulihian alkohol Malaysia seperti di Amerika Syarikat dan Australia untuk mengadakan penyelidikan dari semasa ke semasa."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

32. PN-1243-U13614

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh akan mencadangkan:-

"Bawha Dewan ini membuat usulan untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi pelajar cemerlang, iaitu pelajar-pelajar yang mendapat tidak kurang daripada 7A di dalam SPM untuk menuntut kursus profesional seperti ACCA di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kelulusan pinjaman pelajaran dari PTPTN bagi kursus profesional sedemikian akan menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menjelaskan cita-cita pelajar cemerlang dan akan membuka satu lagi jalan baru untuk golongan ini bagi pencapaian taraf pendidikan yang tinggi dan diiktiraf di kalangan bidang profesional sedunia."

[Menteri Pengajian Tinggi]